



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

JANGAN LALAI

Tarikh Dibaca:

**13 JAMADILAWAL 1446H /
15 NOVEMBER 2024**

**Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إسلام
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

JANGAN LALAI

15 NOVEMBER 2024 / 13 JAMADILAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِنَ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ
بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ (سورة
الأعراف)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat serta kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Pada hari ini, saya akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Jangan Lalai**”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Takutlah kepada Allah SWT dan ketahuilah bahawa kita semua telah melalui dua alam yang fana dan nanti akan menuju pula ke alam yang kekal abadi. Kehidupan di dunia ini hakikatnya tiada satu pun yang bernilai di sisi Allah SWT. Ia hanyalah ibarat hiburan dan permainan. Allah SWT telah mengingatkan kita melalui firman-Nya dalam Surah al-Ankabuut ayat 64:

وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ وَلَعِبٌ ۚ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ ۚ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ٦٤

Maksudnya: “Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat)”.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Ketahui bahawa bencana paling buruk yang mencengkam jiwa kita ialah lalai dari petunjuk-Nya, berpaling dari jalan yang benar dan terlalu menuruti hawa nafsu. Orang-orang yang lalai disifatkan dengan sifat yang sangat buruk. Allah SWT memberi ancaman yang keras kepada golongan yang lalai sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-A'raaf ayat 179 yang saya bacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai”.

Lebih dahsyat lagi, mereka yang lalai ini disebut sebagai makhluk yang paling buruk dan kedudukan mereka lebih teruk dari binatang. Firman-Nya dalam Surah al-Anfal ayat 22 – 23:

إِنَّ شَرَّ الدَّوَابِّ عِنْدَ اللَّهِ الصُّمُّ الْبُكْمُ الَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ۚ وَلَوْ عَلِمَ اللَّهُ فِيهِمْ خَيْرًا لَأَسْمَعَهُمْ ۚ وَلَوْ أَسْمَعَهُمْ لَتَوَلَّوْا وَهُمْ مُعْرِضُونَ ۚ

Maksudnya: “Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk yang melata, pada sisi (hukum dan ketetapan) Allah, ialah orang-orang yang pekak lagi bisu, yang tidak mahu memahami sesuatupun (dengan akal fikirannya). Dan kalaulah Allah mengetahui ada kebaikan pada mereka, tentulah Dia menjadikan mereka dapat mendengar; dan kalau Allah menjadikan

mereka dapat mendengar juga (dengan keadaan yang demikian), nescaya mereka tidak menerimanya sambil memalingkan diri”.

Lebih menakutkan apabila dengan kelalaian itu, Allah SWT mengunci mati segala pancaindera kita untuk menerima cahaya petunjuk. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Jaathiyah ayat 23:

أَفَرَأَيْتَ مَنْ اتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَاهُ وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَىٰ سَمْعِهِ وَقَلْبِهِ وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِ
غِشَاوَةً فَمَنْ يَهْدِيهِ مِنْ بَعْدِ اللَّهِ ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ٢٣

Maksudnya: “Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya: tuhan yang dipatuhinya, dan ia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahui-Nya (bahawa ia tetap kufur ingkar), dan dimeteraikan pula atas pendengarannya dan hatinya, serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikan dia berkeadaan demikian)? Oleh itu, mengapa kamu (wahai orang-orang yang ingkar) tidak ingat dan insaf?”.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI,

Segala perhiasan dunia ini cukup mempesona lantas melalaikan dan memperdaya kita. Tidakkah kita mengambil pengajaran, dari kisah Namrud yang angkuh dengan kuasanya. Tidakkah kita insaf dengan kaum Nabi Lut yang dibinasakan kerana nafsu liar mereka. Bagaimana pula dengan kisah-kisah kaum terdahulu, dan kemegahan-kemegahan yang dibina.

Ketahuiilah bahawa mereka semua telah binasa. Mereka telah merasakan *sakaratul maut* dan meninggalkan alam dunia ini. Yang taat kepada Allah SWT, mendapat keselesaan di alam kubur, manakala yang ingkar kepada-Nya sedang menerima bahagiannya di alam kubur sementara menanti perbicaraan di akhirat nanti.

Begitulah ketetapan Allah SWT sebagaimana disebut melalui firman-Nya dalam Surah ar-Rahman ayat 26-27:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ۖ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ۝

Maksudnya: “Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa: Dan akan kekallah Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan”.

Maka, nikmat Allah yang mana satukah yang hendak kita dustakan?

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Ramai manusia yang tidak mengenal Allah SWT sesuai dengan Keagungan-Nya dan Kebesaran-Nya, justeru mereka bertindak sesuka hati. Seandainya mereka mengenal Allah SWT, nescaya mereka tidak akan ditimpa seksanya, kerana orang yang kenal Allah SWT ialah orang yang paling takut kepada-Nya. Rasa takut itu akan mencegahnya untuk bertindak melanggar perintah dan peringatan Allah SWT.

Orang yang kenal Allah SWT tidak akan berani menggerakkan lisannya dengan perkataan-perkataan yang kotor dan mungkar. Mereka tidak akan menggunakan anggota badannya dalam perkara-perkara yang haram, bahkan menahan pandangan, pendengaran dan tangan serta kakinya dari perkara-perkara yang dilarang, kerana dia cukup yakin bahawa Allah SWT Maha Melihat walaupun dia berada di tempat rahsia, tersembunyi dan berdinding rapat dan tebal.

Orang yang kenal Allah SWT tidak akan berlaku sombong, dengki, hasad, buruk sangka dan perbuatan buruk yang lain, kerana dia meyakini bahawa tidak ada yang tersembunyi dari pandangan Allah SWT. Dia Maha Mengetahui apa-apa yang tersembunyi di dalam dada manusia.

Orang yang kenal Allah SWT tidak akan berputus asa ketika ditimpa kesempitan kerana dia tahu bahawa keluasan itu datangnya dari Allah SWT dan firman Allah SWT menegaskan dalam Surah asy-Syarh ayat 5-6:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۚ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۚ

Maksudnya: *“Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan”.*

Orang yang kenal Allah SWT juga tidak akan pernah putus asa terhadap rahmat-Nya yang meliputi segala sesuatu. Apabila dosa-dosa mereka menjulang tinggi, mereka bertaubat kerana dia meyakini bahawa Allah SWT Maha Mengampuni segala dosa. Orang yang kenal Allah SWT juga tidak akan lalai sedikit pun dari mengingati-Nya kerana dia tahu bahawa Allah SWT tidak lalai dengan semua makhluk-Nya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin tinggalkan beberapa pesanan buat semua:

Pertama: Ketahuilah bahawa hakikat hidup di dunia hanya seperti hiburan dan permainan. Maka, janganlah mudah terpesona dan lalai dengan nikmat yang mempesona.

Kedua: Kisah kaum terdahulu merupakan pengajaran penting supaya kita tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan.

Ketiga: Orang yang kenal Allah SWT, mereka akan selamat dari tutur kata dan tingkah lakunya kerana dia tahu bahawa Allah SWT tidak pernah lalai dari mengawasi dan melihat seluruh makhluk-Nya.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiyaa' ayat 1 dan 2:

اَقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ مُّعْرِضُونَ ۚ مَا يَأْتِيهِمْ مِنْ ذِكْرِ مِنْ رَبِّهِمْ مُحَدَّثٍ إِلَّا
اسْتَمَعُوهُ وَهُمْ يَلْعَبُونَ ۚ

Maksudnya: *“Telah hampir datangnya kepada manusia hari perhitungan amalnya sedang mereka dalam kelalaian, tidak hiraukan persediaan baginya. Tidak datang kepada mereka itu sebarang peringatan yang diturunkan dari Tuhan mereka lepas satu: satu, melainkan mereka memasang telinga mendengarnya sambil mereka mempermain-mainkannya”.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Saya ingin menyeru kepada saudara-saudara sekalian, untuk sentiasa mensyukuri nikmat keamanan yang dinikmati ketika ini. Sama-samalah kita mendoakan kesejahteraan dan menghargai segala pengorbanan anggota keselamatan negara yang terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain lagi. Seluruh masyarakat juga bertanggungjawab menggembeleng seluruh tenaga dan peranan masing-masing dalam sama-sama memelihara keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara tercinta ini.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِهَا
 مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغِ د-قُرْتَوَانِ اَكُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاغِ قُرْمَايسُورِي اَكُوغْ، رَاغِ
 زَارِيثِ صُوفِيَاهُ.
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحِنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾^{١٠}
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.